

Received: 22.2.2021

Accepted: 26.4.2021

Published: 25.10.2021

## **INTEGRITI DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM DI IPTA: SATU TINJAUAN AWAL**

*INTEGRITY AMONG MUSLIM STUDENTS IN PUBLIC UNIVERSITIES:  
A PRELIMINARY REVIEW*

**Noraeyn Eusope\***

\*Corresponding Author, Calon Pascasiswazah, Jabatan Syariah dan Pengurusan,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
noraeyn.eusope@gmail.com

dan

**Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi (PhD)**

Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.  
amieazmi@um.edu.my

### **ABSTRAK**

Tujuan tinjauan awal ini adalah untuk menilai keberkesanan instrumen penyelidikan dalam mengenal pasti tahap integriti akademik dan sosial dalam kalangan pelajar Muslim di IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam) di Malaysia. Kajian kuantitatif dijalankan dengan menggunakan soal selidik digital. Instrumen pengajian diadaptasikan daripada kajian Anis Yusal (2017), Arief Salleh Rosman et al, (2008), Nur Hafizah Yusoff (2019), Norhasilah Mat Nor (2012) dan Nor Wahida (2018). Data dikumpulkan daripada 30 pelajar universiti dari pelbagai disiplin. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) IBM versi 26. Nilai untuk Cronbach alpha adalah 0.756. Analisis data demografi responden dan integriti dilakukan dengan menggunakan ujian deskriptif dan kekerapan. Bagi integriti, kajian menunjukkan majoriti pelajar memahami konsep integriti. Walau bagaimanapun, kebanyakannya mereka pernah melakukan beberapa salah laku integriti akademik. Bagi integriti sosial, ada yang bersetuju dengan beberapa nilai sosial yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dalam integriti. Pandangan yang berbeza ini adalah satu kebimbangan dan perlu ditangani dengan sewajarnya dengan mempunyai kefahaman yang lebih mendalam terhadap Islam sebagai cara hidup bagi menjadi seorang yang berintegriti tinggi. Dalam perspektif Islam, integriti adalah nilai dalam diri yang selari dengan sifat kepercayaan, kejujuran, keimanan, kepercayaan yang kuat, pematuhan ketat terhadap peraturan Islam dan adab-adab yang mulia.

**Kata kunci:** integriti, nilai Islam, pelajar IPTA

## ABSTRACT

*The purpose of this preliminary review is to evaluate the effectiveness of the research instrument in identifying the level of academic and social integrity among the Muslim IPTA students in Malaysia. The quantitative study was conducted by using digital questionnaires. The study instruments were adapted from the studies of Anis Yusal (2017), Arief Salleh Rosman et al, (2008), Nur Hafizah Yusoff (2019), Norhasilah Mat Nor (2012) and Nor Wahida (2018). Data were collected from 30 university students from various disciplines. The analysis was done by using software of IBM Statistical Package of Social Science (SPSS) version 26. The value for the Alpha Cronbach is 0.756. The analysis of data on demographic of the respondents and integrity were done using the descriptive and frequency test. For integrity, the study showed that majority of the students understand the concept of integrity. However, most of them had committed some academic integrity misconduct. As for social integrity, some agreed to several social values which are against the noble values in integrity. This contrasting finding is a concern and need to be addressed accordingly by virtue of deeper understanding on Islam as a way of life and becoming a highly integrity person. In the perspective of Islam, integrity is the value in oneself which is in line with the nature of trust, honesty, faith, strong belief, strict adherence to Islamic rules and noble manners.*

**Keywords:** integrity, Islamic values, public university students

## PENGENALAN

Personaliti yang penuh berintegriti adalah personaliti yang cemerlang yang harus dimiliki oleh pelajar-pelajar universiti yang bakal menjadi modal insan negara. Kegagalan melahirkan individu yang berpersonaliti cemerlang yang akan mengambil alih kepimpinan boleh menghancurkan negara dalam masa yang singkat. Banyak contoh negara-negara yang hancur disebabkan pemimpin yang tidak berintegriti seperti mengambil rasuah, pecah amanah, curang dan sebagainya. Malaysia adalah salah satu negara yang mempunyai masalah isu rasuah yang tertinggi di dunia. Ini dicatatkan oleh Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa 2020. Dari 180 negara, Malaysia menduduki tangga ke 57 dengan skor 51 berbanding dengan skor negara yang rendah rasuah iaitu New Zealand yang menduduki tempat pertama dengan skor 88. Jiran Malaysia, Singapura menduduki tempat ketiga dengan skor 85.

Integriti bermaksud mempunyai kualiti unggul iaitu berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan moral yang tinggi. Di sini bermaksud mempunyai keperibadian yang utuh, berakhhlak mulia, telus, jujur, ikhlas, sabar, berani, berilmu, berakal, beriman, beramal, berhemah, tekun dan bertanggungjawab. Integriti juga merupakan kelarasan dengan apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan, kelarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika, undang-undang dan juga kelarasan dengan kepentingan diri dan kepentingan umum (Peikoff, 1991).

Individu yang berintegriti merupakan individu yang mempunyai sikap yang positif berbanding dengan individu negatif yang sering melakukan kesalahan dan kecuaian di dalam tingkah laku dan pekerjaan mereka. Bagi memperolehi sikap positif ini kesedaran di dalam jiwa sangatlah penting dengan penggunaan akal yang sempurna iaitu akidah. Akidah yang betul dan memberi gambaran tentang kehidupan yang baik dan tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang palsu, khurafat, falsafah-falsafah ajaran yang sesat akan menimbulkan nilai-nilai yang murni dan terpuji iaitu sifat

mahmudah dalam diri individu. Sebaliknya, jika akidah itu dibina atas dasar kepalsuan dan dipengaruhi oleh fahaman sesat, ia akan memancarkan nilai-nilai mazmumah iaitu sifat terkeji dan ini menyebabkan pembentukan akhlak yang buruk.

Kajian Mohd Zuhdi Marsuki (2009) menyatakan dalam pembentukan akhlak dan pembinaan sifat mulia atas diri seseorang, ia berkait rapat dengan kepercayaan yang dipupuk dan diterima dalam kehidupan dan kepercayaan itu adalah pegangan agama. Individu yang dibesarkan dalam suasana penuh penghayatan tentang ajaran agama akan dapat membina peribadi dan sahsiah diri yang baik. Unsur keagamaan merupakan faktor utama dalam menentukan kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar-pelajar Islam di Malaysia. Dengan mempunyai unsur keagamaan ini, akhlak mulia dan beretika dapat dipupuk dalam diri individu dari awal lagi.

Di dalam Al-Quran, Allah SWT telah menyarankan manusia supaya membuat perkara yang betul dalam segala perkara, seperti firmanNya,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا مَا قُولُوا فِي قُولًا سَدِيدًا (٧٠) يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ دُنُوبَكُمْ  
وَمَن يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا (٧١)

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan ucapkanlah perkataan yang benar (dalam segala perkara) (70). Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besarnya kejayaan.(71)

(Surah Al Ahzaab, 22:70-71)

Dengan berkata benar, Allah akan memberi ganjaran yang besar di akhirat kelak dengan pengampunan dosa-dosa dan kebahagiaan mendapat kedudukan yang baik di syurga.

## KAJIAN LEPAS

### *Integriti Akademik Dan Integriti Sosial*

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kefahaman integriti dalam kalangan pelajar Islam di universiti awam di Malaysia. Sebagai bakal modal insan negara, ini amat penting diketahui bagi memastikan negara Malaysia mempunyai bakal pekerja yang cemerlang untuk menjana pembangunan yang dinamik. Jika integriti pelajar universiti rendah, masa depan negara akan gelap dan pembangunan negara akan terjejas. Maka, dengan kajian ini, kita akan tahu tahap jati diri pelajar dan boleh bersiap sedia serta merancang dan menyediakan mereka sebagai pekerja cemerlang di masa hadapan.

Kajian ini meliputi isu integriti dalam dua dimensi iaitu integriti akademik dan integriti sosial. Bagi integriti akademik, penyelidik menjuruskan kajian kepada dua isu iaitu isu plagiat dan penipuan di universiti. Perkaitan isu ini dengan alam pekerjaan adalah ia berkait dengan isu peniruan dan

penipuan di tempat kerja. Manakala, bagi integriti sosial, penyelidik menjurus kepada ponteng kelas dan pergaulan bebas di mana ia berkait dengan isu ponteng kerja, lambat masuk kerja dan pergaulan yang tidak beradab apabila modal insan ini masuk ke alam pekerjaan. Apabila berada di alam pekerjaan, integriti sosial amat penting kerana ia merupakan hubungan insan dengan organisasi. Menurut kajian Mohr, Ingram, Fell & Mabey (2011), kelakuan yang tidak beretika di dalam dunia pekerjaan adalah disebabkan oleh kelakuan ketidakjujuran amanah seperti menipu dan kelakuan yang tidak profesional semasa waktu pembelajaran di sekolah dan di universiti. Jika integriti pekerja bagus, organisasi boleh berkembang maju dan mempunyai daya saing yang tinggi. Ini boleh merancakkan ekonomi negara dan dapat menaikkan taraf hidup rakyat Malaysia serta mempunyai masyarakat berakhhlak mulia.

### ***Integriti Akademik***

Dapatan kajian Anoopa, K. R., Manila Mathews dan P. V. Greeshma (2019) menyatakan integriti akademik bermaksud satu komitmen untuk menjadikan diri seseorang bersikap jujur dan bermoral dalam lapangan akademik seperti contoh, tidak meniru dalam peperiksaan, plagiat tesis, menipu data penyelidikan dan memalsukan dokumen kelayakan masuk universiti. Bagi pelajar universiti, ia bermaksud memberi kata rujukan apabila mengambil idea seseorang. Kajian ini tertumpu pada plagiat dan penipuan bagi dimensi ini.

Ketidakjujuran akademik yang melibatkan plagiat adalah masalah yang serius dan berlaku di kebanyakan universiti di seluruh dunia. Dari dapatan kajian Melanie Birks (2018), plagiat adalah kesalahan integriti yang paling tinggi dalam kalangan pelajar bidang kejururawatan di Australia. Lebih banyak kesalahan plagiat dilakukan oleh kumpulan umur yang lebih muda. Walaupun terdapat amaran tentang tindakan tatatertib yang keras serta surat perjanjian pengesahan bagi mengelakkan perlakuan ketidakjujuran akademik ini, namun pelajar-pelajar ini tetap melakukannya.

Dapatan kajian Muhammad Ramzan (2012 ) menunjukkan pelajar-pelajar universiti di Pakistan juga mempunyai tahap kesedaran yang rendah mengenai plagiat, undang-undang dan proses plagiat di universiti. Begitu juga dapatan kajian Robert M. Siegfried (2005) yang menyatakan ramai dari kalangan pelajar universiti juga sering memuat turun perisian komputer cetak rompak dari internet tanpa rasa bersalah langsung. Alasan-alasan yang diberi untuk kelakuan tidak amanah dalam akademik ini adalah disebabkan oleh pembahagian masa yang tidak efisien, tekanan untuk mendapat gred yang tinggi dan ingin menolong kawan (Amanda B.Click, 2014). Ini diakui oleh kajian Naseer Razek (2014) iaitu tekanan untuk mendapat keputusan yang cemerlang dan perbandingan sesama pelajar serta kurang penguatkuasaan dari pihak universiti memberi peluang pelajar-pelajar melakukan kesalahan integriti ini. Melalui kajian ini juga, didapati pelajar-pelajar dari Saudi yang belajar di Universiti Midwestern, Amerika merasa tidak bersalah melakukannya walaupun perbuatan tidak amanah ini bertentangan dengan kepercayaan agama, etika dan budaya mereka. Namun begitu, kajian Linda A. Kidwell dan Jennifer Kent (2008) mendapati pelajar luar negara kurang melakukan kesalahan akademik kerana mereka yang belajar di luar negara kebanyakannya adalah pelajar yang sudah berumur dan berkahwin dan mempunyai pegangan moral yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar tempatan. Mereka juga kurang berpeluang untuk bersosial dengan pelajar-pelajar lain disebabkan masa yang terhad, maka kekurangan interaksi sosial menyebabkan mereka kurang melakukan kesalahan integriti ini.

### ***Integriti Sosial***

Integriti sosial dari kajian Shah Mukhtar Ahmad (2016) memberi maksud sistem sosial yang bersepada dan wajar di mana masyarakat saling hidup dalam keadaan bekerjasama dengan sifat peribadi moral yang mulia dan saling hormat-menghormati. Ini disokong juga oleh kajian Jiang Zhengdong (2002) dan Meng Wang (2019). Persekutaran integriti sosial yang bagus dapat memberi pengharapan kepada masyarakat untuk membuka peluang-peluang perniagaan dan kuasa yang luas bagi negara untuk melakukan berbagai kebaikan yang memberi manfaat kepada rakyatnya. Isu integriti berkaitan ponteng kelas dan pergaulan bebas akan ditumpukan dalam penyelidikan ini.

Ponteng kuliah adalah masalah serius yang sering berlaku di universiti. Kebanyakan kuliah tidak mendapat kehadiran penuh dari pelajar. Sebagai pelajar, menghadiri kuliah adalah satu amanah. Jika seseorang itu berintegriti tinggi, dia akan hadir ke setiap kuliah kecuali jika sakit atau mempunyai kecemasan. Di universiti, pelajar mendapat kebebasan untuk melakukan kebanyakan perkara yang berkaitan dengan akademik dan sosial. Tanggungjawab harus dipikul sendiri bermula saat di universiti. Dapatan kajian Zainuddin Abu (2008) menyatakan faktor persekitaran yang berkaitan dengan ibu bapa dan rakan sebaya memberi impak yang signifikan dalam pembentukan personaliti pelajar. Dalam kajian beliau, pelajar yang gemar ponteng kelas ini berasal dari kampung-kampung yang terpencil dan terdapat ahli keluarga yang sangat garang iaitu bapa mereka. Mereka dilarang bergaul dengan rakan yang berlainan jantina bagi menjaga kesopanan atas didikan yang berlandaskan budaya Timur. Apabila berada di luar pemantauan keluarga, mereka merasa bebas. Namun, jika hubungan ibu bapa dan anak-anak itu positif, maka perkara ini tidak berlaku. Anak-anak akan faham tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan mematuhi segala peraturan universiti dengan hati yang lapang.

Pergaulan bebas antara pelajar juga adalah masalah besar yang memberi impak negatif. Ada yang sanggup menipu keluarga untuk tidak pulang ke rumah atau kampung untuk bersama dengan teman-teman mereka. Peraturan agama Islam yang melarang pergaulan bebas tidak dipedulikan tanpa memikir tentang dosa. Mereka tidak menjaga akhlak dan tidak amanah menjaga maruah sebagai seorang yang beragama Islam. Dengan kata lain, sahsiah diri mereka sangat rendah. Apabila mereka menghadapi masalah dengan kehidupan yang bebas, tanggungjawab akademik tidak diambil berat. Ramai yang sanggup membeli sijil cuti sakit palsu untuk melepaskan diri dari tindakan tatatertib universiti. Ini menyalahi integriti sosial. Seorang pelajar institut pengajian tinggi telah ditangkap kerana memiliki lima belas (15) keping sijil cuti sakit palsu dan menurut Seksyen 475 Kanun Keseksaan, kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara selama tujuh (7) tahun dan denda. (BH Online, 14 Disember 2017).

Di dalam kajian Carpenter, D. D., Harding, T. S., Finelli, C. J., dan Passow, H. J. (2004), penyelidik menyatakan tingkah laku yang menyimpang di masa lepas akan berulang di masa hadapan. Ini disokong oleh kajian Papadakis, M. A., Hodgson, C. S., Teherani, A., dan Kohatsu, N. D. (2004) yang menyatakan bahawa pegawai perubatan mempunyai kemungkinan tiga kali ganda dikenakan tindakan disiplin jika pernah mempunyai tingkah laku tidak profesional semasa program akademik mereka.

### **METODOLOGI DAN REKABENTUK KAJIAN**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengkaji pemahaman pelajar-pelajar IPTA yang beragama Islam di Malaysia berkait dengan isu-isu integriti akademik dan sosial.

Bentuk soal selidik yang digunakan adalah enam (6) skala Likert yang dicipta oleh Rensis Likert, seorang ahli sains dari Amerika Syarikat, untuk mengukur tahap perasaan dan tingkah laku seseorang. Enam (6) skala Likert dipilih oleh penyelidik atas faktor keseimbangan antara positif dan negatif. Menurut kajian Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011), ia melibatkan pemilihan secara paksaan di mana ia akan memberi data yang lebih baik dalam kajian. Skala yang digunakan adalah Skala 1: Sangat Tidak Setuju, Skala 2: Tidak setuju, Skala 3: Sedikit Tidak Setuju, Skala 4: Sedikit Setuju, Skala 5: Setuju dan Skala 6: Sangat Setuju.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah persampelan rawak berstrata. Responden dipilih dari kalangan pelajar lelaki dan perempuan beragama Islam yang belajar di universiti awam di Malaysia. Data dikumpulkan melalui borang digital google atau “google form” yang dihantar kepada responden memandangkan pada masa kajian ini dilakukan, kerajaan Malaysia telah menganakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan oleh pandemik Covid-19, di mana pertemuan semula tidak digalakkan. Cara penghantaran adalah melalui emel dan pesanan ringkas “Whatsapp”. Pengumpulan data adalah dari 24 November 2020 hingga 9 Disember 2021 iaitu mengambil masa 16 hari.

Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar dari pelbagai bidang pengkhususan. Instrumen yang digunakan untuk mengukur integriti mengandungi soalan yang diadaptasi dari kajian Anis Yusof (2017), Arief Salleh Rosman et al, (2008), Nur Hafizah Yusoff (2019), Norhasilah Mat Nor (2012) dan Nor Wahida (2018). Nilai Cronbach alpha bagi instrumen integriti ialah 0.756. Dapatkan kajian Keith S. Taber (2018) menyatakan nilai Cronbach alpha melebihi 0.70 adalah mencukupi bagi kesahan kebolehpercayaan instrumen-instrumen bagi kajian.

Setelah kajian ini dilakukan, penyelidik mengekalkan kesemua soalan bagi aspek integriti tetapi menukar cara kenyataan pada dua (2) soalan iaitu soalan 4 dan 5 di dalam aspek Tahap Pemahaman Integriti bagi mengelakkan pengekodan terbalik atau “reverse coding” untuk pengumpulan data sebenar.

## DAPATAN DAN ANALISIS

Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer IBM Statistical Packages of Social Science (SPSS) versi 26. Bahagian ini menerangkan keputusan analisis latar belakang responden iaitu program akademik, jantina, umur, agama, pendidikan sekolah menengah, asal dan taraf pendidikan ibubapa.

**Jadual 1: Latarbelakang Demografi Responden (N = 30)**

		Kekerapan	Peratus (%)
Program Akademik	Diploma	2	6.7
	Sarjana Muda	16	53.3
	Sarjana	7	23.3
	PhD	5	16.7
Jantina	Lelaki	6	20
	Perempuan	24	80
Umur	18 – 25 tahun	17	56.7
	26 – 35 tahun	4	13.3

	36 – 40 tahun	6	20
	41 tahun ke atas	3	10
<u>Agama</u>	<u>Islam</u>	<u>30</u>	<u>100</u>
Pendidikan	Pernah belajar di sekolah agama	11	36.7
Sekolah Menengah	Tidak pernah belajar di sekolah agama	19	63.3
Asal	Perlis	0	0
	Kedah	1	3.3
	Pulau Pinang	2	6.7
	Perak	2	6.7
	Selangor	7	23.3
	Melaka	1	3.3
	Negeri Sembilan	2	6.7
	Johor	1	3.3
	Kelantan	4	13.3
	Terengganu	2	6.7
	Wilayah Persekutuan Labuan	0	0
	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5	16.7
	Sabah	0	0
	Sarawak	3	10.0
Taraf Pendidikan	<u>Ibu</u>		
Ibubapa	Tidak bersekolah	2	6.7
	Sekolah Rendah	4	13.3
	Sekolah Menengah	9	30.0
	Sijil atau Diploma	6	20.0
	Ijazah Pertama	5	16.7
	Ijazah Sarjana	3	10.0
	PhD	1	3.3
	<u>Bapa</u>		
	Tidak bersekolah	1	3.3
	Sekolah Rendah	2	6.7
	Sekolah Menengah	10	33.3
	Sijil atau Diploma	6	20.0
	Ijazah Pertama	9	30.0
	Ijazah Sarjana	1	3.3
	PhD	1	3.3
Pendapatan	Bawah RM2000	5	16.7
Keluarga	RM2001-RM4000	3	10.0
	RM4001-RM6000	2	6.7
	RM6001-RM8000	10	33.3
	Atas RM8000	10	33.3
Taraf	Bujang	22	73.3
Perkahwinan	Berkahwin	7	23.3
	Bercerai	1	3.3

Berdasarkan kepada Jadual 1, daripada 30 responden, 2 orang (6.7%) sedang mengikuti program diploma, 16 orang (53.3%) di dalam program sarjana muda, 7 orang (23.3%) di dalam program

sarjana dan 5 orang (16.7%) di dalam program PhD. 24 orang (80.0%) terdiri daripada pelajar perempuan manakala bakinya 6 orang (20.0%) terdiri daripada pelajar lelaki.

Pelajar berumur antara 18 – 25 tahun adalah golongan responden yang terbesar iaitu seramai 17 orang (56.7%), diikuti oleh yang berumur antara 36 – 40 tahun iaitu 6 orang (20%), 26 – 35 tahun seramai 4 orang (13.3%) dan 41 tahun ke atas seramai 3 orang (10.0%).

19 orang (63.3%) daripada responden tidak pernah belajar di sekolah agama manakala 11 orang (36.7%) pernah belajar di sekolah agama.

Daripada kajian ini, responden paling ramai adalah berasal dari Zon Barat iaitu Selangor dan Kuala Lumpur, seramai 12 orang (40.0%), Zon Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Sarawak, 9 orang (30.0%), Zon Utara iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perak, 5 orang (16.7%) dan Zon Selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, 4 orang (13.3%).

Bagi pendidikan ibubapa pula, 15 orang (50%) daripada ibu-ibu responden melanjutkan pelajaran selepas sekolah menengah, manakala bapa pula adalah 17 orang (56.6%). Terdapat 2 orang (6.7%) ibu-ibu responden yang tidak bersekolah dan bagi bapa pula seramai 1 orang (3.3%). Ini menunjukkan sebilangan besar ibubapa mempunyai pendidikan kolej atau universiti.

Data demografi menunjukkan sebilangan besar responden tidak pernah belajar di sekolah agama, berumur dalam lingkungan 18 – 25 tahun, berasal dari zon barat dan mempunyai ibubapa yang berpendidikan tinggi. 20 orang (66.6%) mempunyai pendapatan keluarga melebihi RM6,000 sebulan dan majoriti daripada responden belum berkahwin iaitu seramai 22 orang (73.3%). Majoriti responden adalah masih muda, dari kalangan keluarga yang berpendapatan dan pendidikan tinggi.

**Jadual 2: Tahap Pemahaman Integriti Dalam Kalangan Pelajar IPTA Muslim di Malaysia**

	<b>Item PEMAHAMAN INTEGRITI</b>	Positif (Sedikit Setuju, Setuju, Sangat Setuju)		Negatif (Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sedikit Tidak Setuju)	
		%	Kekerapan	%	Kekerapan
1	Saya memahami konsep integriti.	100%	30	-	0
2	Persekutuan saya mengingati saya pada integriti.	93.3%	28	6.7%	2
3	Media massa (contoh: surat khabar, televisyen, radio dan lain-lain) berkesan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai integriti dalam kalangan masyarakat.	90.0%	27	10.0%	3
4	Tidak salah mengambil harta/barangan pejabat (cth: <i>thumb drive, toner, kertas</i> dan lain-lain) untuk kegunaan peribadi.	6.7%	2	93.3%	28

5	Tidak salah menggunakan wang pejabat untuk kepentingan diri sendiri.	3.3%	1	96.7%	29
6	Saya mendapati rasuah dalam sektor awam adalah rendah.	13.3%	4	86.7%	26
7	Saya mendapati rasuah dalam sektor swasta adalah rendah.	10.0%	3	90.0%	27
8	Rasuah adalah hadiah dalam bentuk wang, barang atau perkhidmatan yang diberikan.	80.0%	24	20.0%	6

Berdasarkan Jadual 2 di atas, ia menunjukkan kesemua responden, 30 orang (100%), memahami konsep integriti. 28 orang (93.3%) bersetuju persekitaran mengingatkan mereka kepada integriti dan 2 orang (6.7%) tidak bersetuju. Ini bermaksud majoriti pelajar faham tentang maksud integriti.

27 orang (90.0%) bersetuju bahawa media massa memberi kesan ke atas pemahaman integriti kepada mereka, manakala 3 orang (10.0%) tidak bersetuju. Di sini menunjukkan media massa memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat untuk menjadi individu yang berintegriti tinggi. 28 orang (93.3%) tidak bersetuju bahawa pengambilan barang pejabat bagi kegunaan peribadi adalah tidak salah, manakala 2 orang (6.7%) bersetuju perbuatan ini tidak salah. 29 orang (96.7%) tidak bersetuju dengan perbuatan mengambil wang pejabat untuk kegunaan sendiri manakala seorang (3.3%) setuju ia adalah tidak salah. Sebahagian besar responden iaitu 26 orang (86.7%) dan 27 orang (90.0%) tidak setuju dengan kenyataan bahawa sektor awam dan swasta mempunyai kadar rasuah yang rendah dan 24 orang (80.0 %) bersetuju rasuah boleh berbentuk wang, barang dan juga perkhidmatan.

Dari hasil dapatan ini, sebahagian besar dari pelajar-pelajar IPTA Muslim mempunyai fahaman tentang integriti yang tinggi. Namun, ada juga sebahagian kecil yang masih samar-samar tentang perkara-perkara yang melanggar etika integriti di mana antara 3 – 4 orang (10.0% - 13.3%) masih setuju bahawa rasuah di sektor awam dan swasta masih rendah sedangkan perkara ini diwartakan di dalam media massa setiap hari dan Malaysia menduduki paras ke 57 di dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa 2020 dari 180 negara di seluruh dunia.

**Jadual 3: Integriti Akademik**

	<b>Item</b> <b>INTEGRITI AKADEMIK</b>	Positif (Tidak pernah buat)		Negatif (Pernah buat)	
		<b>PLAGIAT</b>	%	Kekerapan	%
1	Menyalin hasil kerja orang lain dan kemudian menyatakan itu hasil kerja sendiri.	63.3%	19	36.7%	11
2	Mengubah suai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas sendiri.	60.0%	18	40.0%	12
3	Mengubah suai hasil kerja orang lain dan menyatakan hasil kerja sendiri.	53.3%	16	46.6%	14

4	Menyalin maklumat daripada sumber digital seperti internet tanpa info rujukannya.	20.0%	6	80.0%	24
5	Menyalin maklumat daripada sumber bercetak seperti buku, jurnal, majalah dan suratkhabar tanpa info rujukannya.	30.0%	9	70.0%	21
<b>PENIPUAN</b>					
1	Memalsukan atau menipu data makmal.	70.0%	21	30.0%	9
2	Memalsukan atau menipu data penyelidikan.	60.0%	18	40.0%	12
3	Memberi sijil sakit yang palsu atau yang dibeli.	83.3%	25	16.7%	5
4	Memberi keterangan palsu apabila mengisi borang universiti.	90.0%	27	10.0%	3
5	Tandatangan bagi pihak kawan yang tidak datang kuliah.	56.7%	17	43.3%	13
6	Menulis tugas untuk pelajar lain.	73.3%	22	26.6%	8
7	Membuat tugas bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh buat tugas secara individu.	20.0%	6	80.0%	24

Jadual 3 menunjukkan kecuaian integriti akademik seperti plagiat pernah dilakukan oleh responden-responden. Dari dapatan kajian, kesalahan plagiat yang paling ramai melakukannya adalah menyalin maklumat dari sumber digital seperti internet tanpa info rujukan. 24 orang (80.0%) daripada responden pernah melakukannya. Ini diikuti oleh menyalin maklumat daripada sumber bercetak seperti buku, jurnal, majalah dan suratkhabar tanpa info rujukannya seramai 21 orang (70.0%). Kajian ini juga mendapat 12 – 14 orang (40.0% - 46.6%) pernah mengubah suaikan atau memalsukan rujukan dan hasil kerja orang lain bagi tugas sendiri. Manakala, 11 orang (36.7%) pernah menyalin kerja orang lain dan menyatakan itu hasil kerjanya sendiri. Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian tentang plagiat dari Muhamad Ramzan (2012) dan Robert M. Siegfried (2005).

Kajian ini juga menunjukkan bagi kecuaian integriti akademik melalui penipuan, kesalahan yang paling ramai lakukan adalah membuat tugas bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh melakukan tugas secara individu. Seramai 80.0% (24 orang) responden pernah melakukannya. Ini diikuti oleh kesalahan menandatangani bagi pihak kawan yang tidak hadir ke kuliah sebanyak 43.3% (13 orang). Antara 30.0% - 40.0% (9 – 12 orang) pernah memalsukan atau menipu data makmal dan data penyelidikan. 26.6% (8 orang) pernah menulis tugas untuk pelajar lain. Bagi kesalahan memberi sijil sakit palsu atau yang dibeli, 16.7% (5 orang) pernah melakukannya dan sebanyak 10.0% (3 orang) pernah memberi keterangan palsu apabila mengisi borang universiti.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, ada sebahagian pelajar yang melakukan kesalahan integriti akademik walaupun mereka semua memahami konsep integriti. Ini membuktikan bahawa memahami konsep integriti sahaja tidak mencukupi. Ia tidak menjamin bahawa semua akan melakukan perkara yang betul. Masih ada unsur kecuaian dan penipuan yang berlaku dalam

kalangan pelajar. Di sini, integriti akademik adalah sama penting dengan integriti di tempat kerja. Ia harus ditangani dengan cepat. Ini disokong oleh kajian Nur Hafizah Yusoff (2019) yang menyatakan jika pelajar tidak dipersiapkan dengan integriti yang tinggi, ia akan kelak terjerumus di dalam kesalahan integriti yang lebih serius di tempat kerja.

**Jadual 4: Integriti Sosial**

	<b>Item</b> <b>INTEGRITI SOSIAL</b>	Negatif (Sedikit Setuju, Setuju, Sangat Setuju)		Positif (Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sedikit Tidak Setuju)	
		<b>PONTENG KELAS</b>	<b>%</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>%</b>
1	Saya ponteng kerana bilik kuliah tidak selesa.	3.3%	1	96.7%	29
2	Saya rasa bosan dengan mata pelajaran tertentu.	30.0%	9	70.0%	21
3	Saya rasa bosan dengan pensyarah saya.	26.7%	8	73.3%	22
4	Saya rasa informasi subjek kursus boleh didapati dari internet.	23.3%	7	76.7%	23
5	Saya rasa kaedah/teknik pengajaran pensyarah tidak menarik minat saya.	20.0%	6	80.0%	24
6	Pensyarah saya tidak memperdulikan saya di dalam kelas.	10.0%	3	90.0%	27
	<b>PERGAULAN BEBAS</b>				
1	Tidak salah berjabat tangan dengan bukan mahram.	6.7%	2	93.3%	28
2	Pergaulan mesra antara lelaki dan perempuan tidak perlu disekek.	17.7%	5	83.3%	25
3	Berkaraoke dapat menghilangkan stres.	43.3%	13	56.7%	17
4	Saya lebih selesa mengenakan baju yang menutup aurat.	86.7%	26	13.3%	4
5	Pemakaian seluar panjang yang ketat memudahkan pergerakan saya.	-	0	100.0%	30
6	“Bercouple” dapat meningkatkan semangat belajar.	6.7%	2	93.3%	28

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian bagi kecuaian integriti sosial. Bagi masalah ponteng kelas, sebab utama yang paling ramai setuju adalah kerana bosan dengan mata pelajaran yang diambil, iaitu 30% (9 orang) dan disusuli 26.7% (8 orang) oleh rasa bosan dengan pensyarah. Manakala, 23.3% (7 orang) bersetuju bahawa disebabkan mereka merasa informasi boleh diperolehi dari internet maka mereka tidak perlu ke kelas, 20.0% (6 orang) rasa kaedah atau teknik pensyarah tidak

menarik dan 10.0% (3 orang) rasa mereka tidak dipedulikan oleh pensyarah. Hanya sebahagian kecil iaitu 3.3% (1 orang) saja yang ponteng disebabkan bilik kuliah tidak selesa.

Bagi pergaulan bebas pula, sebahagian besar tidak bersetuju dengan perbuatan berjabat tangan dengan bukan mahram iaitu 93.3% (28 orang) dan 83.3% (25 orang) merasakan pergaulan mesra antara lelaki dan perempuan harus disekat dan 93.3% tidak bersetuju bahawa “bercouple” dapat meningkatkan semangat belajar. Mereka juga lebih selesa berpakaian menutup aurat dan tidak selesa memakai seluar yang ketat. Namun, 43.3% (13 orang) setuju berkaraoke dapat menghilangkan stres. Dapatkan kajian mendapati majoriti pelajar masih tahu adab-adab pergaulan Islam.

Dari dapatan kajian, isu ketidakselesaan dengan pensyarah merupakan antara sebab utama pelajar ponteng kelas. Ini menunjukkan pensyarah mempunyai pengaruh yang besar dalam penarikan pelajar datang ke kelas. Majoriti responden menyatakan mereka ponteng kelas kerana pensyarah mereka membosankan, tidak mempunyai teknik pengajaran yang efektif dan menarik serta tidak mengambil tahu hal pelajar. Ini sangat membimbangkan kerana pensyarah adalah orang yang sangat dekat dengan pelajar di universiti. Jika pensyarah mempunyai hubungan yang jauh dengan pelajar, ini akan merumitkan pembentukan personaliti yang cemerlang dalam kalangan pelajar.

Dapatkan ini juga menunjukkan sebilangan pelajar universiti suka kepada hiburan untuk menghilangkan tekanan. Walaupun mereka tahu adab-adab pergaulan Islam, ini harus dipantau dengan teliti bagi mengelakkan perkara-perkara sumbang yang boleh berlaku. Cara hiburan yang melanggar etika Islam boleh menaikkan rangsangan kepada pergaulan tidak terbatas, yang boleh menjelaskan integriti sosial para pelajar. Ini kemungkinan akan terbawa-bawa ke alam pekerjaan nanti apabila mereka mempunyai kewangan yang kukuh dan jawatan yang bagus.

## KESIMPULAN

Kesimpulan bagi kajian ini adalah kesahan dan kebolehpercayaan sangat penting bagi pembangunan instrumen untuk sesuatu kajian. Kajian ini telah mencapai objektif penyelidik untuk mengetahui tahap integriti pelajar dan memperolehi kebolehpercayaan nilai yang tinggi bagi responden iaitu Cronbach Alpha 0.756. Berdasarkan analisis, penyelidik telah menambah baik dengan menukar cara olahan ayat bagi dua (2) soalan untuk mengelakkan pengkodan terbalik bagi data sebenar. Instrumen lain masih dikekalkan dengan ayat yang sama. Maka, berdasarkan pemeriksaan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini, instrumen ini mempunyai kualiti yang wajar bagi mengetahui tahap pemahaman integriti pelajar universiti.

Hasil kajian mendapati sebahagian besar pelajar memahami konsep integriti, namun masih ada yang melanggar tatasusila integriti sama ada dari segi integriti akademik maupun sosial. Ini membimbangkan kerana jika pemahaman ada, namun perlakuan adalah berbeza, ini dapat memberi impak yang negatif pada masyarakat keseluruhannya. Dalam kajian ini, sebahagian responden pernah melakukan kecuaian integriti akademik seperti plagiat, menipu data penyelidikan, memberi cuti sakit palsu atau dibeli, tandatangan bagi pihak kawan yang tidak hadir kelas dan melakukan tugas bagi pihak kawan. Ini menunjukkan kecuaian integriti yang serius. Dapatkan kajian juga menunjukkan pensyarah adalah pendorong pelajar untuk menghadiri kelas. Maka, tanggungjawab pensyarah adalah sangat penting dalam membimbing pelajar universiti ini dalam memenuhi amanah mereka sebagai pelajar.

Dari segi integriti sosial, masih ada yang merasakan tidak salah berjabat tangan dengan bukan mahram, pergaulan antara lelaki dan perempuan tidak harus disekat, suka berkaraoke dan “bercouple” dapat meningkatkan semangat belajar. Jika perkara-perkara ini tidak ditegur dan dibimbing dengan betul, semasa di alam pekerjaan nanti, mereka akan hanyut dengan melakukan kemungkaran tanpa rasa bersalah. Inilah yang akan menyebabkan masalah integriti akan tersebar di dalam organisasi dan memberi kesan negatif kepada masyarakat.

Islam sangat mementingkan sifat integriti di dalam diri setiap individu. Integriti yang merangkumi sifat ikhlas, amanah, jujur, beriman, kepercayaan yang kuat, tegas dan berhati mulia telah diajar oleh Allah SWT melalui kisah-kisah di dalam Al-Quran. Setiap individu harus didedahkan dengan peribadi mulia yang ditunjukkan oleh para Rasul dan Nabi bagi menerapkan sifat mahmudah ini di dalam diri mereka. Sifat yang mulia ini akan menghasilkan pengakhiran yang baik sama ada dari segi kerja-kerja di dunia mahu pun di akhirat kelak. Bagi mencapai al-falah, iaitu kejayaan di akhirat, sifat integriti adalah sangat penting di dalam kehidupan di dunia ini.

## RUJUKAN

- Ahmad, Shah Mukhtar, (2016). Social Integrity And Consistency In Origin And Development Of Religion: A Contemporary Study. *e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016 (e-ISBN 978-967-0792-08-8)*, Kuala Lumpur, Malaysia)
- Amanda B. Click, (2014). Taking Something That Is Not Your Right: Egyptian Students' Perceptions of Academic Integrity. *Libri*, 64(2), 109-123.
- Anis Yusal Yusoff, & Zarina Mohamad Amin. 2017. Laporan hasil dapatan kajian persepsi mahasiswa mengenai rasuah di Malaysia. *Institut Integriti Malaysia*.
- Anoopa, K. R., Manila Mathews & P. V. Greeshma, (2019). Academic Integrity among Nursing Students. *International Journal of Health Sciences and Research*, 9(12), 110-116.
- Rosman, A. S., Hassan, A. M., Suratman, A. S., Ripin, M. N., & Marni, N. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Sains Humanika*, 48(1).
- Carpenter, D. D., Harding, T. S., Finelli, C. J., & Passow, H. J. (2004). Does Academic Dishonesty Relate To Unethical Behavior In Professional Practice? An Exploratory Study. *Science and Engineering Ethics*, 10(2), 311-324.

Corruption Perception Index 2020. Transparency International.  
<https://www.transparency.org/en/cpi/2020/index/nzl>

Fairuz Zaidan, (2017). Remaja Tipu Sijil Sakit Didakwa, *BH Online*, 14 Disember 2017 – diakses pada 6 Ogos 2020.

Linda A. Kidwell & Jennifer Kent. (2008). Integrity At A Distance: A Study Of Academic Misconduct Among University Students On And Off Campus. *Accounting Education: An International Journal*, 17(S1), S3-S16.

Melanie Birks, John Smithson & Janene Antney, (2018). Exploring The Paradox: A Cross-Sectional Study Of Academic Dishonesty Among Australian Nursing Students. *Nurse Education Today*, 65, 96 – 101.

Meng Wang, (2018). Social Integrity and the Cost of Equity Capital. *Open Journal of Business and Management*, 7(1), 229-244.

Mohd Zuhdi Marsuki, (2009). Religious Agendas Towards Sustainable Development: An Islamic Perspective. *Malaysian Journal of Science and Technology Studies*, 7, 22-38.

Mohr, Thomas, Debbie Ingram, Nancy Fell & Renee Mabey, (2011). The Case For Academic Integrity In Physical Therapist Education. *Journal of Physical Therapy Education*, 25(2), 51-56.

Muhammad Ramzan et al., (2012). Awareness About Plagiarism Amongst University Students In Pakistan. *Higher Education*, 64(1).

Nasser Razek, (2014). Academic Integrity: A Saudi Student Perspective. *Academy of Educational Leadership Journal*, 18(1).

Nor, N. M., Hamzah, A., & Junus, N. F. (2012). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 12-29.

Nor Wahida Dzalihu'zzabir, & Hashim, M. R. (2018). Tahap Amalan Kerohanian Dari Aspek Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *IMDeC 2018*, 29.

Papadakis, M. A., Hodgson, C. S., Teherani, A., & Kohatsu, N. D. (2004). Unprofessional Behavior In Medical School Is Associated With Subsequent Disciplinary Action By A State Medical Board. *Academic Medicine*, 79(3), 244-249.

Peikoff, Tannis, & Stephen Brickey, (1991). Creating Precious Children And Glorified Mothers: A Theoretical Assessment Of The Transformation Of Childhood. *Dimensions of Childhood*, 29, 630.

Siegfried, R. M. (2004). Student Attitudes On Software Piracy And Related Issues Of Computer Ethics. *Ethics and Information Technology*, 6(4), 215-222.

Taber, K. S. (2018). The Use of Cronbach's Alpha When Developing and Reporting Research Instruments in Science Education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.

- Yunus, F. A. N., Rahim, M. B., Yasin, R. M., & Rus, R. C. (2014). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis. *First Tech. Vocat. Educ. Int. Semin.* (Tveis), , 1-9.
- Yusoff, N. H. (2019). Integriti Akademik Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 73-83.
- Zainuddin Abu, Zuria Mahmud & Salleh Amat, (2008). Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Dua Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 33, 107-123.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(Mac), 115-140
- Zhengdong, J. (2002). Discussion On the Integrity and Credit of Society. *Journal of Shandong Teachers' University (Social Science Edition)*, 3.